

Himpunan pakar kayu

Simposium rangsang industri perabot ke peringkat global

FOTO: MOHD KHIDIR ZAKARIA



RENCANA

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Mengumpulkan ramai pakar untuk berkongsi ilmu berkaitan industri perkapalan negara antara usaha dilaksanakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC), baru-baru ini.

Bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan, seramai 200 peserta terdiri daripada usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT) menyertai simposium ini.

Berlangsung selama dua hari, impak simposium ini dilihat cukup besar dalam merangsang industri perabot ke tahap lebih tinggi, sekali gus mencapai standard antarabangsa.

Dibantu seorang moderator, setiap pakar dipanggil untuk membentangkan kertas kerja masing-masing.

Bertemakan Reka Bentuk Perabot-Keselesaian Pengguna, simposium kali

kedua itu bagi menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

Sektor perabot negara adalah sektor hiliran yang berkembang dari setahun ke setahun.

Jumlah eksport perabot meningkat secara konsisten kepada lebih 6.2 bilion setahun sejak 2007 hingga tahun lalu.

Kini ada 1,895 kilang perabot di seluruh negara menghasilkan perabot bagi kegunaan tempatan dan antarabangsa.

Simposium itu mengemukakan tiga pengucap utama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Dekan Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Madya Mohamad Omar Bidin dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn Bhd Malaysia John Low.

Pakar FRIM membentangkan dua topik iaitu Kepentingan Ujian Perabot Untuk Memenuhi Kepuasa Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan Dr Rahim Sudin.

Topik kedua adalah Sistem Pengeringan Suhu Tinggi (High Temperature Drying atau HTD) oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk Dr Tan Yu Eng.

Industri perabot negara

juga diperkenalkan dengan produk kayu kelapa sawit hasil penyelidikan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Berpengalaman selama 15 tahun sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Ahmad Fauzi Awang membentangkan kertas kerja bertajuk Kaedah Baru Pengeringan Kayu Kelapa Sawit.

Sesi forum hari kedua bagi membincangkan pelbagai isu seperti bahan-bahan mentah alternatif, peranan FITEC dalam membantu industri perabot, serta kepentingan reka bentuk dan pensijilan.

Kebanyakan isu dibangkitkan peserta banyak ditumpukan kepada perabot bercirikan Malaysia.

Pada masa sama, sebuah buku bertajuk Pembuatan Kapal Tradisional Melayu dilancarkan Ketua Pengarah MARA Datuk Ibrahim Ahmad yang disaksikan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Simposium itu mendapat sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UiTM, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).



IBRAHIM (dua dari kanan) melihat produk perabot dipamerkan.



PESERTA mendengar pembentangan pakar.



KUALITI produk.



BAHAN kajian.



DR Abu Bakar turut memberikan sokongan.